



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin berkenan menerima menghadap Tan Sri Dr. Rais Yatim dan Datuk Azhar Azizan Harun di Istana Negara semalam. - ISTANA NEGARA

Agong: Parlimen boleh bersidang

Dari muka 1

“Perlu ditegaskan bahawa perkenan Seri Paduka Baginda kepada nasihat Perdana Menteri berkenaan Pengisytiharan Proklamasi Darurat pada 12 Januari 2021 adalah semata-mata sebagai langkah proaktif membendung wabak Covid-19 yang meragut lebih 1,000 nyawa setakat ini,” menurut Ahmad Fadil dalam kenyataan semalam.

Beliau memaklumkan, Al-Sultan Abdullah turut berkenan menerima menghadap Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun di Istana Negara semalam.

Susulan titah tersebut, Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) dalam kenyataan berharap Perdana Menteri menjunjung titah dan menasihati Yang di-Pertuan Agong agar mengadakan sidang Parlimen seawal bulan Mac mengikut takwim sebelum ini.

Katanya, langkah tersebut selari bagi memulihkan kedudukan Parlimen mengikut Perlembagaan Persekutuan selain

mengetengahkan isu-isu serta masalah sedang dihadapi rakyat.

“Majlis Presiden menjunjung kasih atas pandangan dizahirkan Agong bahawa Parlimen boleh bersidang semasa tempoh darurat,” kata kenyataan itu.

Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub juga berharap Muhyiddin mempertimbang suara rakyat dan mengambil kira titah Yang di-Pertuan Agong sebagai keutamaan menasihati baginda untuk kembali bersidang.

Ahmad Jazlan yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan berkata, isu rakyat perlu diteruskan dalam persidangan kali ini dan menjadikan ia sebagai keutamaan khususnya ketika kita masih menghadapi pandemik Covid-19.

Sementara itu, Naib Pengerusi DAP Perak, Dr. Abdul Aziz Bari berkata, Parlimen boleh bersidang semasa tempoh darurat sememangnya perkara yang dibolehkan dan tidak dilarang undang-undang.

“Ya memang boleh bersidang (semasa tempoh darurat), perkara itu tidak dilarang un-

dang-undang. Saya okey saja apabila diumumkan Parlimen boleh bersidang kerana sebelum ini pun memang saya pernah kata ia boleh dilaksanakan. Saya dah kata ia boleh,” kata beliau yang juga pakar perlembagaan ketika dihubungi.

Menurut Abdul Aziz lagi, Parlimen bersidang ketika tempoh darurat pernah berlaku semasa peralihan kuasa daripada Tunku Abdul Rahman kepada Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri pada September 1970.

“Mungkin ramai yang lupa peralihan kuasa daripada Tunku kepada Tun Razak berlaku pada September 1970.

“Parlimen bersidang pada 1971, darurat diisytihar pada Mei 1969,” kata beliau.

Pengerusi Jemaah Penasihat UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, ramai menyambut baik kenyataan Istana Negara bahawa Parlimen boleh bersidang.

“Memang kuasa Agong di bawah Perlembagaan memanggil Parlimen bersidang tanpa mendapat nasihat Perdana Menteri,” kata beliau.